

15/07/2004

Bahagian tidak aman jika pencabar kalah diketepikan

By Kadir Dikoh

PENGUNDIAN menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) yang menentukan nasib pelajar Akademi Fantasia (AF), kadangkala nampak tidak rasional apabila yang berbakat terpaksa keluar dan yang kurang menyerlah masih bertahan. Mungkin penonton ada alasan tersendiri tidak mengundi pelajar tertentu - demokrasi baru dalam dunia hiburan.

Bentuk pengundian orang ramai untuk AF turut menyelitkan unsur simpati. Bukti jelas ialah apabila undian untuk ibu tunggal, Mas, melonjak naik selepas dua anaknya dipertontonkan. Malah, ada unsur hukuman dikenakan oleh penghantar SMS, gara-gara komen pengkritik seperti 'awak boleh menang' yang diungkapkan kepada Kaer pada pusingan awal dan kedudukannya kemudian menurun dua tiga anak tangga.

Apakah unsur 'tabiat semula jadi' manusia itu turut berlaku pada pemilihan Umno peringkat bahagian sekarang iaitu kombinasi unsur simpati, dendam dan hukuman?

Yang pasti, ada yang kecewa, geram atau menangis kerana tewas pada pertandingan peringkat bahagian. Bagaimanapun, yang menang pula harus ingat bahawa kemenangan adalah tanda menerima amanah yang diberikan ahli.

Mungkin elok rasanya jika ketua bahagian, Ketua Wanita, Ketua Pemuda atau Ketua Puteri, yang diberi kuasa melantik di kalangan calon yang kalah menganggotai ahli jawatankuasa bahagian atas semangat bekerjasama demi kepentingan Umno.

Pihak Astro tidak mengetepikan pelajar AF yang tersingkir, sebaliknya terus 'menjaga' mereka walaupun penonton menolaknya ketika bertanding.

Selagi perasaan dendam terus tersemam di lubuk hati, selagi itu sesuatu bahagian tidak akan aman, kerana mereka yang tewas kali ini, mungkin bangkit semula untuk sekali lagi bertanding pada 2007. Molek mereka ini dibawa bersama dan jangan pinggir atau ketepikan terus.

Bagi Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, eloklah jika membawa Rosleli Johari yang ditewaskan dengan kelebihan 31 undi saja dalam perebutan jawatan Ketua Umno bahagian Kota Tinggi Ahad lalu, bekerjasama atas apa saja kapasiti - rapatkan semula barisan.

Memang jelas Umno bahagian itu terbahagi dua apabila Syed Hamid memperoleh 143 undi, manakala Rosleli mendapat 112 undi. Seramai 267 perwakilan mengundi dengan 12 undi rosak.

Jika semangat 'setia kawan' ini tidak ditangani dengan sebaik mungkin, Syed Hamid mungkin tidak senang duduk pada 2007.

Lupakan apa yang berlaku dan semua pihak harus mengambil iktibar atas semangat United Malay National Organisation (Umno).

Selepas lebih 60 bahagian Umno di seluruh negara bermesyuarat, amat jelas ahli Umno peringkat bawahan mahukan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan timbalannya Datuk Seri Najib Razak mengisi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Tengku Razaleigh Hamzah yang menawarkan diri untuk bertanding jawatan Presiden, belum mendapat sebarang pencalonan tetapi masih 'menaruh harapan' dapat melepasi syarat 58 pencalonan untuk melayakkan diri bertanding jawatan nombor satu itu.

Kelmarin, Tun Dr Mahathir Mohamad dipetik sebagai berkata bahawa Ku Li tidak akan mendapat sokongan untuk bertanding merebut jawatan Presiden parti. Kata bekas Presiden Umno itu, Razaleigh tidak mungkin mendapat pencalonan yang mencukupi.

Dr Mahathir yang mencipta sajak Melayu Mudah Lupa tentu lebih arif

dengan keadaan Umno yang pernah dipimpinnya selama 22 tahun, apatah lagi pernah dicabar sengit oleh Ku Li sendiri pada 1987 sehingga parti itu diharamkan pada Februari 1988.

Tidak diketahui apakah sajak itu ditujukan kepada orang Melayu yang menjadi ahli Umno atau bukan ahli iaitu Melayu keseluruhannya?

Berdasarkan perkembangan pencalonan setakat ini iaitu sokongan padu kepada Pak Lah untuk disahkan ke jawatan Presiden September nanti, bermakna ahli Umno mahu mengelak pertembungan sekali lagi untuk jawatan nombor satu dalam parti.

Nampaknya, ahli Umno 'tidak mudah lupa' peristiwa 1987/88 itu apatah lagi ketika Pak Lah hendak disahkan ke jawatan Presiden yang dipangkunya sejak sembilan bulan lalu untuk memberi peluang kepadanya mencari damai abadi. Hayatilah sajak Pak Lah - Ku Cari Damai Abadi.

Setelah pusingan pertama membabitkan hampir satu pertiga mesyuarat perwakilan bahagian, tidak banyak kejutan berlaku yang membabitkan nama besar tewas.

Begitu juga dari segi pencalonan, meskipun pada dua hari pertama bagaikan menampak kelainan apabila Ketua Umno Bahagian Kota Bharu, Datuk Zaid Ibrahim dan Ketua Umno Bahagian Johor Bharu, Datuk Shahrir Samad mendapat pencalonan untuk jawatan Naib Presiden.

Bagaimanapun, selepas minggu pertama berlalu, amat jelas penyandang, Tan Sri Muhyiddin Yassin mendahului, diikuti Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Tan Sri Muhammad Muhd Taib (penyandang) dan Datuk Mustapa Mohamed - semuanya sudah melepasi kelayakan kuota pencalonan yang diperlukan iaitu sokongan 20 bahagian.

Seorang rakan berkata, andainya Datuk Hishammuddin Hussein turut bertanding jawatan Naib Presiden kali ini, sudah pasti bakat muda itu antara calon 'pilihan'.

Pencalonan bagi 25 jawatan Majlis Tertinggi (MT) pula, menampakkan arah aliran lama iaitu lebih kepada mereka yang berjawatan menteri, menteri besar, timbalan menteri atau setiausaha Parlimen, tetap menjadi pilihan.

Berdasarkan pemilihan lalu, arah aliran seumpama itu juga berlanjutan ketika pengundian pada Perhimpunan Agung Umno, meskipun jumlah undi yang diperoleh seseorang, selalunya tidak menggambarkan jumlah pencalonan yang diterima.

Di luar lingkungan mereka yang berjawatan pula, seorang dua tokoh korporat turut bernasib baik dan kalangan ahli Exco peringkat negeri.

Kita tengok perkembangan selanjutnya apabila kira-kira 60 peratus lagi bahagian bermesyuarat, kebanyakannya Ahad ini iaitu apakah arah aliran mencalonkan mereka di kalangan menteri atau timbalan menteri terus berlanjutan.

Dua kenyataan agak menarik pula dikeluarkan oleh Muhammad dan Shahrir baru-baru ini, iaitu mereka yang tidak cukup pencalonan untuk bertanding jawatan Naib Presiden, perlu dicukupkan supaya akhirnya semua yang berhasrat bertanding itu layak bertanding.

Muhammad sudah melepasi syarat, manakala Shahrir baru mendapat lima pencalonan untuk bertanding Naib Presiden. Ada lima lagi calon juga belum melepasi syarat itu - Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, Datuk Seri Adnan Yaakob, Syed Hamid, Datuk Abdul Ghani Othman dan Datuk Zaid Ibrahim.

Perlu diingat bahawa jumlah pencalonan yang tinggi lazimnya tidak menggambarkan jumlah undi diperoleh September nanti. Pada pemilihan lalu, Abdul Ghani yang juga Menteri Besar Johor, memperolehi pencalonan kedua tertinggi selepas Najib tetapi tidak berjaya. Sebaliknya, pencalonan untuk Muhammad dan Muhyiddin yang agak tercorot pula mengiringi Najib memenangi jawatan Naib Presiden.

Bagaimanapun, kebijaksanaan ahli Umno tidak boleh diperkecilkan dan jika kenyataan Muhammad dan Shahrir diambil perhatian, kemungkinan enam lagi

calon untuk Naib Presiden kali ini boleh melepasi syarat kelayakan.

Ia terpulang kepada perwakilan di bahagian jika mereka mendengar pandangan dua tokoh terbabit. Mungkin perwakilan mahu jumlah calon yang sedikit atau mencalonkan seorang dua lagi tokoh untuk jawatan Naib Presiden supaya saingan itu lebih menarik.

(END)